

Headline **WiWi: MIMOS cipta sejarah**
Date **14 Aug 2009**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Ekonomi**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
ADValue **5,079**

Language **Malay**
Page No **22**
Article Size **257 cm²**
Color **Full Color**
PRValue **15,238**



WiWi: MIMOS cipta sejarah

KUALA LUMPUR 13 Ogos – MIMOS Bhd. merancang melaksanakan pemindahan aplikasi 50 buah platform teknologi WiWi kepada syarikat pengendali WiMAX, tidak lama lagi.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Abdul Wahab Abdullah berkata, teknologi tempatan itu adalah penyelesaian hibrid WiFi dan WiMAX pertama di dunia, dijangka mempercepatkan sasaran penembusan jalur lebar.

Katanya, teknologi terbaru yang beroperasi pada frekuensi 2.3 GigaHertz (GHz) direka bentuk sebagai pilihan untuk menghubungkan sambungan akhir jalur lebar (last mile) untuk mempercepatkan ekosistem jalur lebar yang tersedia supaya dapat dikomersialkan di seluruh negara.

“Mereka (pengendali WiMAX) kini menguji teknologi WiWi dan menjangka mereka dapat melaksanakannya pada bulan depan.

“Ini adalah selaras dengan tumpuan semasa MIMOS terhadap proses pemindahan teknologi untuk dikomersialkan bagi mewujudkan pelbagai inovasi sekali gus merangsang industri asal kepada pasaran global,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Platform Teknologi WiWi, di sini hari ini yang dirasmikan oleh Timbalan Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, Fadillah Yusoff.

Hadir sama, Pengerusi MIMOS, Datuk Suriah Abdul Rahman; Pengerusi Asiaspace Sdn. Bhd., Datuk Abdul Ghani Abdullah; Ketua Pegawai Eksekutif Packet One Networks (M) Sdn. Bhd. (P1), Michael Lai, Ketua Pegawai Eksekutif REDtone International Bhd., Zainal Amanshah dan Pengarah Urusan CEEDTec Sdn. Bhd., Heng Fook Main.

Bersempena pelancaran itu, MIMOS turut menandatangani perjanjian dengan ketiga-tiga pengendali WiMAX iaitu REDtone, P1 dan Asiaspace untuk pelaksanaan platform teknologi WiWi.

Selain itu, CEEDTec yang merupakan penerima platform teknologi WiWi telah me-

nerima tempahan sebanyak 100,000 buah.

Abdul Wahab berkata, platform teknologi WiWi yang mendapat tempat dalam pasaran merupakan contoh kejayaan MIMOS.

“Dengan adanya teknologi yang merentasi semua industri, MIMOS berkedudukan baik untuk mencapai matlamat yang memacu teknologi daripada suatu peralatan ke pemboleh laksana (enabler) dan seterusnya sebagai satu sektor,” ujarinya.

Terdahulu, Fadillah dalam ucapan berkata, WiWi menawarkan pengguna jaringan jalur lebar pada harga berpatutan yang membenarkan pelbagai pengguna menembusi rangkaian jalur lebar tunggal.

“Ini bermakna, penyelesaian ini mampu membantu negara ini bukan sahaja menyediakan jalur lebar untuk penduduk secara umum malah juga merapatkan jurang digital terutamanya di kawasan luar bandar,” katanya.



SITI menunjukkan Mimos Wiwi Teknologi di One World Hotel Bandar Baru Utama City Centre Petaling Jaya, semalam.